



## “PERCANGGAHAN FAHAMAN SYIAH DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: فَمَنِ اهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي  
لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَقُلَّ إِنَّمَا أَنَا مِنَ الْمُنذِرِينَ .

أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ  
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita mengukuhkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan penuh tawadhu' dan mengakui diri kita benar-benar hamba-Nya. Mudah-mudahan kita akan mencapai kejayaan dan rahmat Allah SWT.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **“PERCANGGAHAN FAHAMAN SYIAH DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH”**.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membuat keputusan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak. Penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang sama sekali. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam Hukum Syarak yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja. Dan Muzakarah tersebut juga menetapkan bahawa sebarang penerbitan, penyiaran atau penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

Di Negeri Selangor juga fatwa pengharaman Syiah telah dikeluarkan pada 14 Februari 1998 yang memutuskan bahawa:



*"Fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sehubungan dengan itu, untuk pengetahuan Muslimin sekalian, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengisyiharkan pada 24 Julai 2013 bahawa Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5(1), Akta Pertubuhan 1966. Dari segi implikasi pengharaman Persatuan Syiah Malaysia di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966. Antaranya adalah;

- a) Tiada seorangpun boleh menggunakan semula nama Pertubuhan Syiah Malaysia untuk didaftarkan sebagai pertubuhan kepada peruntukan Seksyen 7(3)(b) Akta Pertubuhan 1966.
- b) Segala akaun, aset dan harta Pertubuhan Syiah Malaysia akan diserah dan digulungkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.
- c) Tiada seseorangpun boleh memegang jawatan, menjalankan kerja sebagai seorang anggota, membentarkan sesuatu mesyuarat dalam Bangunan, menghasut, mendorong, mendapatkan yuran atau bantuan, menyiarkan dan bertindak bagi pihak atau wakil Pertubuhan Syiah Malaysia. Mereka yang bertanggungjawab menjalankan apa-apa aktiviti Pertubuhan Syiah Malaysia akan disiasat dan didakwa di Mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Penyelewengan akidah dan pengamalan ajaran Syiah jelas bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antara penyelewengan tersebut adalah seperti berikut :

- Pertama : Mendakwa bahawa al-Quran yang ada di tangan umat Islam pada hari ini adalah tidak lengkap.
- Kedua : Mendakwa bahawa Jibril a.s. tersilap menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w yang sepatutnya diturunkan kepada Saidina Ali K.R.W.
- Ketiga : Menolak sebahagian hadis atau riwayat para sahabat besar Rasulullah s.a.w. seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Abu Hurairah dan lain-lain lagi.
- Keempat : Mengkafirkan sebahagian sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W. antaranya Saidina Abu Bakar, Saidina Umar dan Saidatina Aishah R.A.
- Kelima : Menambah lafaz dalam Kalimah Syahadah seperti berikut;

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَأَشْهُدُ أَنَّ عَلَيْهِ  
أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ حَقًا.



- Keenam : Mendakwa para imam mereka bermula daripada Saidina Ali sehingga adalah imam-imam yang dilantik selepasnya bersifat maksum daripada dosa kecil dan besar sepetimana para anbiya' yang bezanya hanyalah mereka tidak diturunkan wahyu.
- Ketujuh : Mereka mengamalkan nikah Mut'ah yang seolah-olah menghalalkan perbuatan zina.
- Kelapan : Mencederakan tubuh badan sebagai memperingati peristiwa Karbala pada 10 Muharram.
- Kesembilan : Menjadikan taqiyyah yang maksudnya ialah berdusta dan berpura-pura sebagai salah satu rukun iman.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Implikasi daripada penyebaran atau penularan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah boleh menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini. Peristiwa-peristiwa sejarah masa silam memperlihatkan kepada kita bahawa permusuhan, persengketaan dan pertumpahan darah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan jika fahaman Syiah dibiarkan bertapak di dunia Islam. Syiah menganggap orang-orang Islam dari kalangan Ahli Sunnah halal darahnya dan harus dibunuhi terutama dengan cara yang tidak diketahui oleh sesiapapun.

Pada hari ini pendedahan tentang pergolakan di timur tengah melibatkan golongan Nusayriah iaitu satu cabang pelampau aliran Syiah telah mengakibatkan pembunuhan ke atas warga Sunni. Kebencian bersanggatan golongan Syiah terhadap umat Islam Sunni dipaparkan



dalam bentuk pembunuhan hatta terhadap kanak-kanak tanpa sebarang belas kasihan di mana sejumlah hampir 110,000 nyawa mereka yang tidak berdosa terkorban dalam konflik berdarah hampir dua (2) tahun di Syria. Bahkan mereka menembak menara-menara masjid, memperolok-olokkan solat umat Islam Sunni, membakar al-Qur'an dan mencemarkan masjid. Berdasarkan hakikat ini jugalah, seorang tokoh cendekiawan Islam terkenal Prof. Dr. al-Syeikh Yusuf al-Qardhawi dalam komentar terbarunya berkaitan Syiah menegaskan bahawa Syiah adalah golongan yang kafir dan menyesatkan.

Berdasarkan pengalaman lalu mahupun perkembangan semasa, Malaysia amnya dan Negeri Selangor khasnya tidak mahu perkara sedemikian berlaku dan ternyata fahaman Syiah boleh meninggalkan kesan pemikiran negatif, pendustaan berleluasa, kekeliruan dalam pengajaran Islam, menyebar atau menular amalan syirik yang akhirnya mewujudkan perpecahan besar di kalangan umat Islam.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Langkah mengekang fahaman Syiah atau fahaman lain yang menyeleweng ini digiatkan supaya masyarakat Islam yang belum terkena jangkitannya mengenali bahaya fahaman-fahaman tersebut dan berusaha sedaya-upaya untuk menjauhinya. Justeru, amat diharapkan Muslimin sekalian secara kolektif mendepani isu ini secara serius antaranya :

Pertama : Kita hendaklah berpegang teguh dengan ilmu akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan hujjah dan rujukan yang diiktiraf, bukan sekadar ikut-ikutan;



- Kedua : Mengukuhkan kefahaman terhadap al-Qur`an dan al-Sunnah dari semua aspek termasuk bacaan, hafazan dan pengajaran yang berkaitan; serta mendalami ilmu-ilmu Islam melalui ulama atau guru-guru bertauliah yang diiktiraf dan diyakini pengajarannya.
- Ketiga : Meningkatkan kewaspadaan terhadap propaganda atau eksplorasi dilakukan oleh golongan syiah yang berselindung di sebalik sentimen kasih dan cintakan ahl al-bayt (keluarga Rasulullah s.a.w), memperjuangkan ahl al-bayt dan menentang kezaliman yang dilakukan terhadap ahl al-bayt;

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Khatib pada hari ini juga mahu berkongsi dengan para muslimin sekalian langkah-langkah drastik oleh pihak berkuasa bagi mengekang fahaman Syiah dari menular ke peringkat akar umbi. Kerajaan Negeri Selangor melalui Pekeliling Am Tahun 2013 menyebut bahawa semua pegawai di agensi-agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor termasuk mereka yang memegang jawatan dalam Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan:

- (i) Dilarang berpegang kepada ajaran dan fahaman Syiah kerana bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah; atau
- (ii) Dilarang sama sekali untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan dan berpegang atau menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syiah;



- (iii) Dilarang sama sekali menerbitkan atau membantu menerbitkan apa-apa bentuk versi atau variasi atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan, sama ada bahan cetak, elektronik atau selainnya atau melalui media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut; atau
- (iv) Dilarang untuk menjadi anggota atau pemimpin mana-mana golongan fahaman Syiah atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan Syiah dengan apa jua cara sekalipun.

Bagi Pihak Berkuasa Agama khususnya Jabatan Agama Islam Selangor telah mengambil beberapa pendekatan dalam mendepani isu Syiah di Negeri Selangor antaranya menerusi khutbah Jumaat tentang penyelewengan fahaman Syiah, penjelasan dari semasa ke semasa kepada semua pegawai Masjid, memantau dan mengekang sebarang publisiti aktiviti yang berkaitan dengan syiah.

Tindakan tegas secara perundangan juga boleh diambil di bawah Seksyen 12(C) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No 9 Tahun 1995 berhubung kesalahan menghina pihak berkuasa agama (Mufti). Tangkapan melibatkan pengikut Syiah telah dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor pada 15 Disember 2010 seramai 125 orang dan pada 15 Oktober 2012 seramai 118 orang.

Dalam usaha membanteras penularan fahaman Syiah ini, Jabatan agama Islam Selangor mendapat kerjasama sepenuhnya dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pendaftar Pertubuhan (ROS), Lembaga Penapisan Filem (LPF) berkaitan



kawalan bahan penerbitan, pengeluaran cakera padat atau cakera padat digital dan Jabatan Imigresen.

Sebagai penegasan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku ketua agama negeri ini telah menitahkan agar tiada rakyat di Negeri Selangor menganut fahaman Syiah yang telah difatwa dan diwartakan menyeleweng daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
مَن يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِيٌ وَمَن يُضْلِلُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَسِرُونَ

ص

١٧٨

"Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah (dengan sebab persediaannya) maka dia lah yang beroleh petunjuk; dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah (dengan sebab keingkarannya) maka mereka lahir orang-orang yang rugi".  
(Al-A'raf : 178)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِفُهَا الَّذِينَ إَمَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ  
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى  
وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَّا يَتَكَبَّرُ  
الرَّبَّانِيَّةِ وَبَحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَّاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ  
صَالَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ  
الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ



السُّلْطَان شَرْفُ الدِّين ادريس شاه الحاج فِي  
أَمْن وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغِ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat,



menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزُوْجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَآشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِمْ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.